

RELEVENSI PEMIKIRAN IBN KHALDUN TERHADAP KEMAHIRAN INSANIAH DI DALAM PENGURUSAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Oleh:

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali *

Nor Adina Binti Abdul Kadir **

Khairul Anuar Bin Mohd Amin Khir ***

ijamh@um.edu.my

nor_adina@yahoo.com

ABSTRAK

Akidah Islam merupakan pusat bagi kesatuan ilmu-ilmu yang menentukan orientasi, matlamat dan metodologi ilmu-ilmu lain. Ini bererti kebenaran mutlak yang terkandung dalam ilmu-ilmu agama dari beraneka bidang mewarnai dan menjawai seluruh pendekatan Muslim kepada ilmu-ilmu lain seperti ilmu sains, biologi, perakaunan, undang-undang, pengurusan, ekonomi ilmu kemahiran hidup dan sebagainya. Konsep ilmu yang unified inilah dasar ilmu bersepadu dan sekaligus merupakan keistimewaan Islam yang berbeza dengan aliran pemikiran yang memisahkan antara teologi atau agama (ukhrawi), sains dan duniaawi serta kemahiran insaniah dan pembangunan modal insan. Ini bererti ilmu Islam yang bersepadu ini mendorong kepada melahirkan modal insan yang unggul, dinamik dan mampu berdaya saing dengan bangsa-bangsa lain dunia dan sekaligus mewujudkan pembangunan sumber manusia yang rasional, professional dan berakhhlak mulia. Pun begitu, kita hanya mampu mencipta kegemilangan modal insan ini dengan kembali kepada akar budaya sendiri. Malangnya, sistem pendidikan di Malaysia dikatakan

* Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, PhD, Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

** Nor Adina Binti Abdul Kadir, M.us, Pembantu Penyelidik di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam , Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

*** Khairul Anuar Bin Mohd Amin Khir, Calon PhD di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

gagal menyediakan graduan yang dinamik dan berwibawa hanya kerana kekurangan dari aspek Kemahiran Insaniah. Akibatnya ramai graduan yang tiada pekerjaan dan terus menganggur. Graduan Melayu-Muslim khususnya dikatakan tidak mempunyai daya saing yang hebat berbanding graduan bukan Melayu. Justeru, kertas ini akan membincangkan kualiti-kualiti utama yang amat diperlukan dalam mengaplikasikan Kemahiran Insaniah yang telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian pengajian Tinggi berasaskan pemikiran Ibn Khaldun seorang tokoh sosiologi Muslim yang hebat dalam usaha untuk melahirkan sumber pembangunan modal insan yang rasional, professional dan berakhhlak mulia.

Kata kunci: Kemahiran Insaniah, Pengurusan Pembangunan Modal Insan, Akidah, Ibn Khaldun, Ilmu

ABSTRACT

Akidah Islamiyyah is the center of unity of knowledge that determine the orientation, objectives and methodology of other areas of knowledge. This means that the absolute truth contained in religious knowledge from a variety of color and animate the field entire Muslim approach to other forms of knowledge such as science, biology, accounting, law, management, life skills knowledge economy and so forth. The concept of a unified knowledge this is the integrated knowledge base and once the privilege of the different Islamic schools of thought with which separates between theology or religion (hereafter), science and worldly and soft skills and human capital development. This means that an integrated knowledge of Islam led to a superior human capital, dynamic and able to compete with other nations and the world thus creating a rational human resource development, professional and honorable. Even then, we are only able to create human capital excellence with a return to the roots of our own culture. Unfortunately, the education system in Malaysia fail to provide a dynamic and competent graduates only because of the lack of Soft Skills. As a

result many graduates who have no job and continue to be unemployed. Malay-Muslim graduates specifically said not to have great competitiveness against non-Malay graduates. Hence, this paper will discuss the key qualities needed in applying the Soft Skills that have been introduced by the Ministry of Higher Learning based thinking a prominent sociologist Ibn Khaldun great Muslim in order to create human capital development resources rational, professional and honorable .

Keywords: *Soft Skills, Management of Human Capital Development, Akidah, Ibn Khaldun, Knowledge*

PENDAHULUAN

Isu Kemahiran Insaniah ini timbul berkaitan dari permasalahan graduan yang sukar mencari pekerjaan, hingga dipaparkan di dada-dada akhbar berkenaan graduan yang menganggur. Ianya berlaku kerana dikatakan tidak mempunyai pakej yang membolehkan mereka diterima masuk di bidang pekerjaan. Graduan tidak mempunyai penampilan diri yang baik, kurang kemahiran (*skill*) kritikal seperti kurang kemahiran berkomunikasi, penguasaan bahasa Inggeris yang lemah, kurang kemahiran bersosial dan kurang bermotivasi. Memang terasa pedas, tetapi itulah kenyataannya yang perlu diterima terutama oleh graduan Melayu.

Persoalannya mengapa Melayu? Walhal Melayu itu lazimnya dikaitkan dengan agama anutannya adalah Islam. Islam pula adalah agama pembangunan. Kemampuan Islam mencipta umat telah teruji dalam sejarah. Islamlah yang telah mentransformasikan dan merevolusikan budayanya. Pembaharuan komitmen Melayu-Muslim kepada nilai-nilai Islam akan menghasilkan bangsa Malaysia-Maddani¹ dalam suasana persekitaran Islam-Hadhari dan 1 Malaysia. Islam-Hadhari dan Masyarakat Maddani 1 Malaysia adalah ungkapan yang saling berkaitan dan berhubungan timbal balik. Tidak dapat dipisahkan kerana kewujudan masyarakat maddani yang dinamik adalah hasil kedinamikan Islam.

Adalah amat malang kiranya Kemahiran Insaniah ini tidak bersendikan kepada al-Qur'an dan al-Hadith. Justeru amat penting

¹ Kupasan lanjut berhubung perkara ini boleh dirujuk kepada Osman Bakar (1996), "Agama dan budaya Teras Masyarakat Madani", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 5. Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 1-10.

untuk melihat pengaplikasian dan kelestarian Kemahiran Insaniah dalam membangunkan modal insan yang dinamik dan profesional. Oleh itu Kemahiran Insaniah atau *soft skill* ini adalah suatu modul mempersiapkan diri para pelajar agar diterima sebagai pekerja dan meningkatkan peluang ‘*employability*’ pelajar sebagai graduan. Ia bukan hanya berlebar di ruang lingkup pencapaian akademik pelajar, tetapi lebih jauh dari itu iaitu bagaimana para pelajar dapat menyesuaikan diri dan kehidupannya selepas pengajian formal di universiti. Umpamanya, universiti terkemuka di Amerika Syarikat meletakkan 2 metrik utama sebagai pengukur kepada kejayaan graduan; iaitu pertama adalah kejayaan graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan pertama selepas graduan dan kedua bilangan pelajar yang mengikuti kursus di luar daripada silibus kurikulum akademik mereka. Jika seorang pelajar dapat memenuhi kriteria ini ianya dikategorikan sebagai berjaya.²

Namun, Kemahiran Insaniah yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi sebagai memenuhi kehendak pasaran kerja ini tidak cukup untuk memenuhi kriteria tersebut. Ia sewajarnya lebih jauh dan mengimbangi kehendak fitrah manusia secara semulajadi iaitu penghargaan duniawi dan ganjaran pahala di akhirat. Kejayaan dunia dan akhirat sewajarnya digapai bersama. Justeru, bagaimana bentuk Kemahiran Insaniah yang diaplikasikan di universiti tempatan Malaysia mampu memenuhi ruang lingkup peradaban Islam dan sekaligus membentuk dan membangunkan modal insan yang merupakan agenda utama Rancangan Malaysia ke 9 yang bertujuan melahirkan masyarakat yang berkualiti dalam segala aspek diri; minda dan akal, keterampilan akhlak dan personaliti, sikap profesional dan rasional, berkemahiran dan berkomunikasi, berfikiran logik kritis dan bersikap *team work*. Tuntasnya Kemahiran Insaniah itu wajar bersendikan al-Qur'an dan al-Hadith. Kertas kerja ini akan membincangkannya dengan lebih rinci.

KEMAHIRAN INSANIAH

Elemen Kemahiran Insaniah yang ditekankan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi merangkumi tujuh elemen utama³ iaitu:

- i. Kemahiran Berkomunikasi
- ii. Pemikian Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah

² Abdullah Muhammad Zin et al. (2005), *Pendidikan Islam di Malaysia Dari Pondok ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

³ Abdul Halim Mat Diah et al. (2008), “*Kemahiran Insaniah di IPTA Islam Malaysia dan Indonesia: Satu Analisis Perbandingan*”, dalam Kertas Kerja Sisipan di Seminar Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS) 2008, Anjuran Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, UTeM dengan Kerjasama Institut Sosial Malaysia, pada 18-19 Ogos 2008.

- iii. Kemahiran Kerja Berpasukan
- iv. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
- v. Kemahiran Usahawan
- vi. Etika Dan Moral Profesional
- vii. Kemahiran Kepimpinan

Instrumen yang dibangunkan untuk mengukur tahap pelajar IPT dalam tujuh elemen Kemahiran Insaniah ini dinamakan *Malaysian Soft Skill Scale (MY3S)*.⁴ Sehubungan itu, adalah wajar bagi setiap pelajar universiti Malaysia memperolehi kemahiran tersebut seawal mungkin dalam tempoh pengajian dan gunakan maklumat tersebut sebagai panduan untuk memilih subjek elektif di universiti. Para pelajar jangan hanya menjadikan kemahiran tersebut cantik di atas kertas sahaja tapi jadikanlah ianya cara hidup agar bertepatan dengan falsafah peradaban dan tamadun kegemilangan ilmu Islam. Hal ini dapat diperolehi melalui penjelasan lanjut dari pensyarah atau pentadbir universiti.

Dalam usaha melestarikan Kemahiran Insaniah untuk pembangunan modal insan yang dinamik, berilmu, berakhhlak dan bersendikan al-Qur'an dan al-Hadith, adalah penting kita telusuri peranan NG0'S di Malaysia. Kajian ini mendapati pentingnya jalinan kerjasama yang erat dan mesra antara pihak universiti dan NGO-NGO dalam aspek keupayaan organisasi sukarela. Ini kerana terdapat banyak pertubuhan NGO di negara kita yang mampu menyediakan tapak bagi pengisian mahasiswa dan mahasiswi dengan kemahiran insaniah. Namun, realitinya ramai mahasiswa dan mahasiswi diasuh dengan keselesaan dan dimanjakan dengan kaedah pembelajaran dan pengajaran yang canggih di IPT pada masa kini.

Menyedari kepentingan Kemahiran Insaniah yang mantap sebagai ukuran keunggulan graduan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengarahkan semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menerapkan kemahiran tersebut melalui aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum bermula tahun 2006. Singkapan sejarah menjelaskan bahawa Kokurikulum telah diperkenalkan pada tahun 1985 oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia kepada para pelajar peringkat sekolah lagi bagi memberikan kemahiran dan aktiviti di luar kelas pada ketika itu.⁵

⁴ Dipetik dari Utusan Malaysia, *My3S Ukur Kemahiran Insaniah Graduan*, 30 Januari 2010, h. 25.

⁵ Sidek Baba (1993), "Pelaksanaan Pendidikan Islam Era 2020 Ke Arah Kecemerlangan Generasi Pelajar", dlm Khailani Abdul Jalil dan Ishak Ali Shah, *Pendidikan Islam Era 2020 Tasawur dan Strategi*. Selangor: Tekno Edar, h. 25

Aplikasi ini kemudiannya diterapkan di peringkat IPT bagi mewujudkan satu ruang yang mampu mengintegrasikan beraneka kaum di dalam sesebuah IPT itu dengan bilangan yang ramai serta mengisi masa terluang pelajar melalui aktiviti yang berfaedah. Namun, hasilnya golongan yang dibentuk ini gagal memenuhi tuntutan kemahiran insaniah yang dikehendaki.

Sehubungan itu, kita perlu menyemak semula dan menilai kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran insaniah di IPT. Tenaga pengajar yang kompeten juga memainkan peranan penting di dalam menyumbangkan pembangunan kemahiran insaniah ini. Selain itu, aspek akauntabiliti dan kredibiliti tenaga pengajar juga perlu diambil kira bagi memastikan penyampaian sesuatu pembelajaran kemahiran insaniah itu berkesan. Lebih mudah jika kita membuat perbandingan di antara aspek Pedagogi dan Andragogi.

Untuk memastikannya tercapai, penggembelingan tenaga setiap individu wajar dilaksanakan. Antaranya yang penting adalah penglibatan parti-parti politik yang sewajarnya tidak lagi hanya bermodalkan semangat, sentimen, emosi atau wang semata-mata. Ini kerana, politik tanpa kekuatan keintellectualan tidak akan mampu membawa perubahan positif kepada umat. Sebaliknya akan hanya membazirkan kekuatan dan potensi umat dalam sengketa terus menerus. Sudah tiba masanya setiap ahli politik menyerahkan tanggungjawab untuk mendidik umat dengan idealisme perjuangan yang murni, menekankan moral politik yang luhur, mulus, kudus dan telus, mempertingkatkan program pembangunan yang komprehensif dan sekaligus meninggalkan budaya politik caci-mencaci dan sumpah seranah yang bertentangan dengan kemuliaan nilai ilmu.⁶

Selain daripada itu, pihak badan-badan dakwah turut perlu berperanan mendidik umat mencintai dan menguasai ilmu. Gerakan dakwah yang tidak memiliki kekuatan intelektual dan tidak mempunyai program keilmuan tidak akan mampu menterjemahkan keunggulan Islam dalam realiti kehidupan umat. Apa yang mampu dilakukannya hanya mengulangi kembali manifesto perjuangan Islam dalam budaya retorika slogan sahaja.⁷

Manakala badan-badan kebudayaan dan para budayawan sewajarnya memahami konsep kebudayaan dalam pengertiannya yang menepati, seluasnya yang meliputi aspek-aspek teras seperti nilai-nilai murni pemikiran, ilmu dan sebagainya. Tidak hanya terbatas kepada aspek seni tarian dan nyanyian semata.

⁶ *Ibid*, h. 56.

⁷ *Ibid*.

Selanjutnya, para ilmuan wajar berani tampil kehadapan untuk menunaikan amanah keilmuan dan bertanggungjawab terhadap apa jua yang menimpa umat. Ini kerana para ilmuan akan terus dipersalahkan seandainya nasib umat tidak berubah. Namun, wujudnya usaha-usaha membunuh kredebiliti dan kewibawaan para ilmuan tradisi dan kehilangan peranan kepimpinan dan keteladanan golongan intelelegensi telah mengakibatkan kemerosotan kepercayaan umat terhadap mereka. Para ilmuan tradisi telah dimomok-momokkan sebagai golongan jumud, kolot, anti kemajuan dan pembangunan dan mementingkan diri. Manakala golongan intelelegensi yang mempunyai status sosial yang tinggi tetapi telah musnah kewibawaan keilmuannya kerana tidak mengakar ke bawah (rakyat desa) tetapi sebaliknya berpaut ke atas (golongan elit feudal Melayu dan Barat). Golongan ini terpisah jauh daripada umat desa yang setia kepada budaya Melayu-Muslim tetapi golongan ini yang dikatakan berpendidikan Barat juga kurang menguasai ilmu-ilmu Barat secara jitu sebaliknya menghayati aspek kehidupan kebendaan tamadun Barat.⁸

Justeru, kedua-dua golongan ilmuan ini sedang rancak berusaha untuk memulihkan pengaruh dan wibawa mereka di tengah-tengah saingen hebat kelompok kumpulan lain seperti ahli politik, usahawan, seniman dan ahli-ahli sukan yang kian mendapat pengaruh dan perhatian masyarakat.

Pun begitu, usaha-usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya seandainya umat terus meminggirkan mereka seperti ‘hadirnya tidak dirai dan perginya tidak dipeduli’. Sementelah pula tidak wujudnya integrasi antara kepimpinan dan keilmuan. Apatah lagi dimangkinkan dengan gejala wang yang membudaya politik dan menyepikan kekuatan ilmu. Ini bererti slogan ‘Ilmu Memimpin’ hanya akan sekadar penglipur lara masyarakat menara gading kerana realitinya ‘wanglah yang memimpin’.

Oleh itu, perjuangan membangun masyarakat maju sewajarnya mengambilkira gerakan mengangkat semula wibawa para ilmuwan. Sehubungan itu juga, dalam kalangan para ilmuwan seharusnya wujud kesedaran terhadap amanah keilmuan dan komitmen untuk terus menghayati peranan suci golongan ilmuan sebagai golongan kepercayaan Allah. Justeru, golongan ini wajar mendatangi dan mendampingi umat sesuai dengan konteks keilmuan Islam. Ini akan meletakkan golongan ilmuwan memiliki khalayak dan umat di peringkat akar umbi.⁹ Sekaligus menerima anugerah Allah sebagai golongan yang berstatus mulia di dunia dan akhirat¹⁰ kerana komitmen dan penunaian amanah serta tanggungjawab mewujudkan satu

⁸ Ibn Khaldun, *op.cit.*, h. 78; Siddiq Fadzil, *op.cit.*, h. 58.

⁹ *Ibid*, h. 60.

¹⁰ Sila rujuk *sūrah al-Mujādalah*: ayat 11

ummah yang berteraskan nilai-nilai universal keanekaan ketamadunan, budaya dan agama bersesuaian dengan suasana 1 Malaysia.

Untuk memahami perkaitan Kemahiran Insaniah dan Modal Insan Islami dan Masyarakat Maddani 1 Malaysia ini, kajian ini akan mengupasnya dari aspek konsep dan nilai-nilai ilmu dalam tamadun Melayu-Islam dalam konteks keanekaan ketamadunan, budaya dan agama di Malaysia berdasarkan pemikiran Ibn Khaldun.

BIOGRAFI RINGKAS DAN PEMIKIRAN ASAS IBN KHALDUN

Nama beliau ialah Wali al-Din ‘Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Abi Bakr Muhammad ibn al-Hasan ibn Khaldun, dilahirkan di Tunis tahun 1332.¹¹ Beliau meninggal dunia di Kaherah, tahun 1406. Kawasan Khalduniyah di Tunis masih wujud lagi; tidak berubah, dan sekaligus rumah yang dipercayai tempat kelahirannya masih lagi tegak kukuh berdiri.

Sebagaimana yang beliau nyatakan di dalam riwayat hidupnya (*al-Ta’rif bi ’bni Khaldun*) bahawa keluarganya berasal dari keturunan Khaldun yang berketurunan Arab Selatan; datang ke Sepanyol dalam tahun-tahun awal semasa pembukaan Sepanyol oleh tentera Arab Muslimin. Mereka menetap di Carmona, kemudian berpindah ke Seville dan memainkan peranan penting dalam perang-perang saudara pada abad ke-9 dan sekaligus dianggap termasuk ke dalam satu daripada tiga keluarga yang terpenting di dalam kota itu.

Pada abad-abad berikutnya keluarga Ibn Khaldun secara berturutan menjawat jawatan pentadbiran dan politik yang tinggi di bawah pemerintahan kerajaan Umayyah, al-Murabitun dan al-Muwahhidun. Ahli-ahli lain keluarga Khaldun turut berkhidmat dalam ketenteraan dan beberapa orang dari mereka telah turut terkorban dalam peperangan al-Zallaqah (1086) dan telah mempengaruhi buat sementara waktu pengambilan kembali Sepanyol oleh tentera Kristian. Bagaimanapun selepas kejatuhan Seville, keluarga Ibn Khaldun telah berpindah ke Tunis, tempat kelahiran dan pendidikan awal Ibn Khaldun. Di Tunis, ketika usianya belasan tahun beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan Sultan Mesir iaitu Sultan Barquq. Walau bagaimanapun minatnya yang mendalam terhadap ilmu dan pendidikan; telah menyebabkannya meninggalkan perkhidmatan itu dan berpindah ke Fez. Fenomena politik Fez yang tidak tenang dan stabil yang ditonjolkan melalui persaingan politik telah memberi kesan terhadap kerjaya Ibn

¹¹ Muhsin Mahdi (1971), *Ibn Khaldun’s Philosophy of History*, Illinois: University of Chicago Press. Lihat juga Ibn Khaldun (1995), *Mukaddimah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khaldun.¹²

Keadaan yang tidak aman ini telah mengheret Ibn Khaldun berlindung selama tiga tahun di kampung kecil Qalat ibn Salamah di Algeria, dan sekaligus mendorong beliau mengarang kitab *al-Muqaddimah*nya yang terkenal. Kitab tersebut merupakan naskah dan jilid pertama dari kitab sejarah dunia yang telah menjadikan nama Ibn Khaldun masyhur dan kekal abadi dalam kalangan para ahli sejarah, sosiologi dan falsafah. Keadaan tidak menentu dalam kerjayanya masih berterusan dan negeri Mesir menjadi tempat beliau menetap dalam 24 tahun terakhir dalam usianya.¹³

Kitabnya yang terkenal *al-Muqaddimah* (“Pendahuluan”) merupakan kitab terbesarnya (“masterpiece”nya) dalam persuratan berhubung sejarah, falsafah, sosiologi, dan pendidikan. Tema utama dari kitab yang “monumental” ini berkisar mengenai fakta-fakta psikologi, ekonomi, alam sekitar, dan kemasyarakatan yang memainkan peranan dalam proses memajukan peradaban manusia dan perjalanan sejarahnya. Beliau menganalisis mengenai dinamika hubungan sosial dan memperlihatkan bagaimana kesetiakawanan atau perpaduan sosial (*al'-asabiyah*) melahirkan satu tamadun baru dan juga kekuasaan siyarah. Ia menonjolkan wujudnya pengulangan sejarah naik turun dan jatuhnya sesebuah peradaban manusia. Berasaskan analisisnya, Ibn Khaldun turut menganalisis faktor-faktor yang membawa kepada proses turun naiknya peradaban manusia.¹⁴

Ibn Khaldun memulakan pengajian sejarah secara kritikal. Beliau memberi pengajian dan penelitian secara analisis ke atas peradaban manusia, permulaannya, faktor-faktor yang membawa kepada pembangunannya dan juga faktor-faktor yang membawa kepada kejatuhaninya. Ini telah meletakkannya sekali lagi sebagai pengasas ilmu baru yang dirujuk sebagai ilmu pembangunan sosial atau sosiologi. Beliau menulis demikian: “Saya telah menulis dalam bidang sejarah sebuah buku yang di dalamnya saya bincangkan sebab-sebab dan kesan-kesan pembangunan dan perkembangan negara-negara dan peradaban-peradaban, dan saya ikuti satu cara yang bukan biasa dilakukan orang bagi menyusun bahan-bahan kitab itu, dan saya ikuti jalan yang bukan biasa dilakukan dan yang baharu dalam menulisnya”. Dengan memilih kaedah atau cara istimewa dan baharu dalam analisis, ia mencipta dua ilmu baharu iaitu Historiografi atau analisis dan kajian sejarah sebagai ilmu khusus dan juga sosiologi sekaligus”.¹⁵

¹² Muhsin Mahdi (1971), *op. cit.*

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Ibn Khaldun (1995), *op. cit.*

¹⁵ *Ibid.*

Penekanan Ibn Khaldun kepada akal fikiran dan keperluan akal dalam menganalisis sejarah dan peristiwa-peristiwa kemasyarakatan tidak bererti beliau tidak mementingkan prinsip agama. Beliau selaraskan kehendak akal dan tuntutan agama dalam usaha menghasilkan kajian sejarah yang relevan dengan perubahan sosial.

Ibn Khaldun menjelaskan bahawa kemajuan dan pembangunan yang sebenarnya datang melalui kefahaman yang tepat mengenai sejarah. Kefahaman itu pula mampu dicapai melalui pemerhatian secara rencam terhadap tiga perkara penting:

1. Tiada wujud prajudis dan sikap pro atau kontra terhadap individu lain dan idea lain dalam diri seseorang pakar sejarah.
2. Pakar sejarah atau sejarawan wajar mengesahkan dan memeriksa laporan-laporan yang didapati. Sejarawan wajar menimba ilmu daripada sejarawan yang lain dan mengkaji setiap laporan sejarah yang didengar dan dibaca dengan rencam di samping mengkaji akhlak sejarawan berkenaan khususnya dalam sikap beramanah dengan ilmu sebelum menerima segala bentuk laporan sejarah mereka.
3. Sejarawan tidak wajar membataskan sejarah hanya kepada kajian mengenai sejarah politik dan ketenteraan ataupun berita-berita berkenaan dengan para pemerintah dan negara-negara sahaja. Ini kerana sejarah bukan terbatas dalam bentuk tersebut sahaja bahkan meliputi aspek-aspek kemasyarakatan, keagamaan dan ekonomi.

Tuntasnya, pengaruh Ibn Khaldun dalam sejarah, falsafah sejarah, sosiologi, sains politik dan pendidikan (Epistemologi Sunni) terus kekal dan mendominasi pemikiran kebanyakan pakar sosiologi sehingga hari ini. Ibn Khaldun turut diiktiraf sebagai pemimpin dalam penulisan biografi dan pembaharu dalam pendidikan dan psikologi pendidikan dan pakar bahasa yang indah dan tinggi kualitinya dalam penulisan persuratan. Buku-bukunya telah diterjemahkan ke dalam banyak bahasa Barat dan Timur, dan menimbulkan pengaruh dalam perkembangan ilmu. *Al-Muqaddimahnya* ada terjemahannya dalam Bahasa Melayu (terbitan DBP) dan Bahasa Indonesia selain daripada terjemahan Inggerisnya yang terkenal oleh Franz Rosenthal dalam tiga jilid.¹⁶

Berasaskan perbincangan biografi ringkas Ibn Khaldun membuktikan bahawa dalam usaha membangunkan masyarakat yang berkualiti sewajarnya kajian ini melihat kembali aspek-aspek yang wajar disuburkan

¹⁶ Ibid.

dan diaplikasikan dalam kalangan masyarakat pelajar untuk membentuk dan membangunkan modal insan yang dinamik dan memiliki kualiti Kemahiran Insaniah yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Ibn Khaldun meninggalkan kita satu warisan besar untuk dibaca, diselidiki dan diambil pengajaran daripadanya. Pemikiran beliau masih tetap relevan kerana ia juga adalah usaha kita memperkuatkan jati diri selain membentuk watak peradaban Melayu Islam moden yang dinamik tetapi utuh dengan ruh dan adab Islamiahnya.

KUALITI KEMAHIRAN INSANIAH DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Sehubungan itu, bertitik tolak daripada *tasawwur* awal biografi ringkas dan pemikiran Ibn Khaldun ini, kajian ini cuba untuk memaparkan aspek-aspek utama yang sewajarnya ditelusuri dengan lebih tulus, mulus dan kudus bagi mencapai hasrat pewujudan kriteria Kemahiran Insaniah dalam melestarikan pembangunan modal insan dengan keanekaan ketamadunan, budaya dan agama di Malaysia ini berdasarkan pemikiran Ibn Khaldun.

KUALITI TAWHID DAN JIWA MERDEKA¹⁷

Umat Islam yang telah menjalani indoktrinasi *tawhid* sewajarnya telah bebas dari jiwa perhambaan. Ini kerana pengesaan Tuhan membawa maksud secara sedar seseorang individu itu telah menolak sebarang pengabdian selain hanya kepada Allah. Contohnya, dinamika *tawhid* telah membuktikan penghakisan jiwa hamba yang membenggu Bilal ibn Rabah, lalu tampil mendadak sebagai insan baru berjiwa merdeka dan sanggup menghadapi tribulasi dan mempertahankan keyakinannya iaitu *tawhid* yang telah mengangkat martabat keinsanannya.¹⁸

Pembebasan atau Jiwa Merdeka inilah yang telah menjadi teras risalah dan manifesto Islam kepada dunia. Selaras dengan itu, dalam sejarah umat Melayu, Islam turut menamatkan tradisi jiwa hamba dalam sistem feudalisme Melayu-Hindu. Islam telah mengangkat martabat ‘orang-orang bawah’ dan membebaskan mereka dari diskriminatif budaya kasta.

Dinamika *tawhid* telah membentuk semula *worldview* dan sistem nilai Melayu berdasarkan ajaran Islam yang telah memusnahkan mitos raja sebagai jelmaan dewa iaitu warisan Hindu yang mewajibkan perhambaan diri kepada sang dewa dan meletakkan perubahan ke’raja’an kepada

¹⁷ Ibn Khaldun (1995), *op. cit.*, h. 22.

¹⁸ Sila rujuk Muhammad al-Faqiqy (1979), *Qisāṣ al-Anbiyā’ Aḥdathuhā wa ‘Ibāruhā*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 112; Muhammad Isma’il Ibrahim (1981), *Qisāṣ al-Anbiyā’ wa al-Rusul*. Kaherah: Dar al-Fikrbañ-’Arabi, h. 40.

kesultanan yang memberi maksud pemegang amanah keadilan Ilahi, tempat berlindung rakyat yang teraniaya, ketaatan dan kesetiaan kepada ketua bersyaratkan keadilan.¹⁹ Nilai keadilan inilah juga merupakan nilai yang menerasi tradisi politik Melayu-Islam.

Islam membuktikan berjaya merombak pola hubungan raja-dewa dan hamba menjadi hubungan di antara pemerintah yang terikat dengan nilai pemeliharaan dan keadilan dan rakyat yang terikat dengan nilai kesetiaan. Ini memberi erti bahawa pemerintahan adalah berorientasikan tugas dan tanggungjawab, bukannya kemewahan dan berfoya-foyaan. Manakala rakyat dilayan sebagai individu yang mempunyai hak dan harga diri yang wajar dihormati. Perkaitan nilai kemahiran kepimpinan dapat diserahkan melalui kualiti *tawhid* dan jiwa merdeka bangsa Melayu-Muslim dan sekaligus membangunkan modal insan yang berdinamika.

Bertitiktolak daripada ini juga, masyarakat Melayu telah memanifestasikan jiwa merdekanya dalam kebangkitan penentangan penjajahan seawal abad ke-16 menentang penjajahan Portugis. Pun begitu, penjajahan yang berabad turut meninggalkan kesan penjajahan hamba di kalangan segelintir umat Melayu terpelajar yang masih lagi keterlaluan mengagumi Barat sehingga menjalani gaya hidup keInggerisan. Justeru, pewujudan modal insan yang memiliki kriteria Kemahiran Insaniah ini wajar ditekankan penerasan kepada akar budaya sendiri dan bukannya budaya asing yang diciplak.

Ini kerana tanpa jiwa merdeka, sesuatu bangsa itu tidak akan mampu mencipta kegemilangan dalam sejarahnya. Impian untuk menjadi sebuah negara serba maju dalam segala serba-serbi akan hanya tinggal impian seandainya tidak dimulakan dengan usaha pembinaan kualiti bangsa, termasuk kualiti jiwa merdeka.

Oleh itu, setiap dari kita wajar bersedia untuk membongkar dan melemparkan segala unsur jiwa hamba yang masih tersisa. Untuk memungkinkan pertumbuhan jiwa merdeka wajar diwujudkan iklim dan budaya yang bercirikan kebebasan, persamaan dan keadilan. Iklim dan budaya seumpama ini turut merupakan nilai-nilai sejagat yang wujud dalam setiap ketamadunan bangsa dan agama dunia. Unsur-unsur yang bersifat budaya *feudalistic* wajar ditinggalkan termasuklah pendewaan terhadap seseorang tokoh dan amalan sambutan pemimpin dengan upacara yang keterlaluan dan berlebihan dalam suasana yang menonjolkan perbezaan

¹⁹ Ibn Khaldun (1995), *op.cit.*, h. 54-55; Untuk mengetahuinya lebih lanjut, sila rujuk Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke 19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 100-109.

status feudalannya.²⁰

Ini bererti, kualiti dan dinamika *tawhid* menyerlahkan jiwa merdeka dan berkualiti dalam mewujudkan manusiaawi yang mampan dan adil serta mampu berkongsi bersama bangsa lain mewujudkan bangsa Malaysia yang maju berteraskan nilai-nilai universal yang ditonjolkan dalam kualiti Kemahiran Insaniah dan kesejagatan ketamadunan dan budaya.

KUALITI²¹ SEJARAH DAN ORIENTASI MASA HADAPAN

Islam memiliki semangat *al-fikr'l-mustaqbaliy* atau pemikiran berorientasikan masa hadapan. Pun begitu, tidak dinafikan bahawa menoleh kepada sejarah silam adalah amat wajar.²² Ini kerana peristiwa-peristiwa silam mampu dijadikan sebagai sempadan dan teladan dalam membina dan merancang masa depan. Hal ini turut ditekankan dalam tamadun Islam yang menggalakkan melihat, meneliti dan mengkaji masa silam khususnya dalam tiga abad pertama Hijrah iaitu zaman ketika Islam dihayati dengan jayanya oleh umat Islam ketika itu. Keunggulan ketamadunan Islam pada zaman kemuncak tersebut wajar dijadikan pedoman dan iktibar oleh setiap individu Muslim. Perkara yang sama diterapkan dalam Kemahiran Insaniah melalui kemahiran dalam pembelajaran beterusan dan pengumpulan maklumat melalui singkapan sejarah masyarakat dalam usaha untuk mendapatkan pemikiran yang logik kritis untuk terus merancang dan membina masa hadapan yang lebih gemilang.

Walau bagaimanapun, penghargaan terhadap masa silam itu tidak sedikit pun mengurangi kecenderungan yang kukuh untuk melihat masa hadapan. Bahkan realitinya, pengertian masa hadapan dalam ketamadunan Islam itu adalah lebih luas dan menjangkaui batasan definisi yang ditekankan oleh golongan sekularis. Masa hadapan bagi umat Islam tidak terhad di dunia sahaja bahkan menjangkaui hingga ke alam ukhrawi. Islam mementingkan masa hadapan ukhrawi namun tidak juga meremehkan masa hadapan duniaawi. Hal berhubung *futuristic* ini sering diungkapkan oleh al-Qurán bahkan amat diutamakan.²³ Antara contohnya dalam *surah al-Qamar* ayat 45 yang memberi maksud berkaitan nasib yang bakal menimpa golongan Musyrik Quraysh yang amat kuat (golongan itu pasti akan dikalahkan dan mereka akan undur ke belakang.....). Pemberitahuan

²⁰ Siddiq Fadzil (1998), *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD), h. 12-13.

²¹ Ibn Khaldun *op.cit.* lihat Pendahuluan

²² Untuk mengetahui kepentingan sejarah dan orientasi masa hadapan, sila rujuk Ibn Khaldun, *op.cit.*, dalam Pendahuluan, h. xx-Lxx.

²³ Kupasan lanjut dijelaskan dalam Afzalur Rahman (1981), *Quranic Science*. London: The Muslim School Trust London, h. 101-112

yang bakal terjadi ini bertujuan untuk mempersiapkan mental dan fizikal umat Islam bagi menghadapi perubahan-perubahan yang akan berlaku.²⁴ Sekali lagi kemahiran menggunakan pemikiran logik kritis mampu memilih perkara negatif yang mendatang untuk membentuk modal insan yang dinamik melalui pengumpulan maklumat berterusan dan wajar diaplikasikan secara kerjasama dengan setiap pihak yang terlibat. Ia tidak wajar dilakukan secara sendirian tetapi pengumpulan pemikiran secara kolektif mampu mengegarkan dan siap sedia menghadapi apa jua perubahan. Sikap integriti turut terserlah untuk memastikan segala pelan berjalan lancar. Semuanya diterasi oleh Kemahiran Insaniah.

Selain daripada itu, al- Qurán turut memaparkan kepentingan menelaah masa hadapan dan sekaligus melakukan perancangan strategi bagi menghadapi kemungkinan hambatan bagi mencapai objektif masa hadapan. Hal ini dicernakan melalui kisah nabi Yusuf ‘a.s yang telah meramalkan kedudukan ekonomi negara dan seterusnya menyarankan perancangan ekonomi yang mampan bagi tempoh empat belas tahun mendatang. Ini membawa maksud bahawa perubahan-perubahan yang akan berlaku di masa hadapan wajar diambil kira dan dihadapi dengan persediaan seperlunya bagi memastikan objektif masa hadapan berjaya dicapai dengan jayanya. Sikap keusahawanan dalam hal ini amat menonjol untuk menentukan masa hadapan ekonomi negara.

Ibn Khaldun menekankan bahawa usaha untuk memahami dan meramalkan perkembangan yang akan berlaku di masa hadapan ini bukanlah penerokaan ke alam ghaib yang hanya Allah sahaja yang Maha Mengetahuinya. Tetapi apa yang ditekankan oleh Islam adalah pentingnya umat Islam memiliki wawasan dan visi yang meliputi suatu bentuk penjelajahan mental, bertitik tolak dari yang diketahui kepada yang tidak diketahui, mencipta masa hadapan berdasarkan fakta, harapan, impian, bahaya dan peluang yang wujud masa kini.²⁵ Segala bentuk fakta yang wujud hari ini dapat dilihat dan dianalisis sebagai indikasi yang memperlihatkan apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Segalanya ini memerlukan kepada kualiti Kemahiran Insaniah yang mampu dicernakan melalui budaya berpasukan yang dinamik dalam kalangan umat Islam yang bertanggungjawab menerajui kepimpinan negara.

²⁴ Dipetik dari Siddiq Fadzil (1998), *op.cit*, h. 16. Sila rujuk juga surah *al-Rum* ayat 1-5 yang memaklumkan tentang kemenangan Rome ke atas Parsi yang bakal merubah kedudukan umat Islam waktu itu. Keadaan ini memperlihatkan walaupun umat Islam waktu itu masih lemah, namun amat peka terhadap perkembangan semasa dan memahami kesan positif dan negatif terhadap masa hadapan mereka untuk membina strategi seterusnya.

²⁵ *Ibid*, h. 18.

Justeru, menyedari bahawa perancangan hari ini berkemungkinan mampu mempengaruhi perkembangan di masa hadapan, sewajarnya umat Islam meningkatkan usaha-usaha menganalisis fakta dan maklumat (kemahiran pembelajaran berterusan dan pengumpulan maklumat), melakukan perancangan yang mampan dalam merangka pembinaan masa hadapan yang jitu bagi umat Islam dan dunia (kemahiran pemikiran logik kritis). Ini kerana tanpa perancangan yang strategik, sistematik dan operasional khususnya dalam menghadapi persaingan antara agama di masa hadapan, pewujudan modal insan Islami dan Melayu-Islam tidak akan menjadi kenyataan. Sekaligus pembentukan 1 Malaysia yang dinamik hanya tinggal memori semata.

KUALITI BUDAYA ILMU DAN KEINTELEKTUALAN

Istilah budaya tidak terbatas kepada maksud seni dan hiburan semata. Realitinya, budaya merupakan suatu isu yang serius dengan cakupan bidang yang amat luas meliputi soal falsafah, pemikiran, ilmu, kesenian, artifak dan aspek-aspek cara hidup lainnya. Namun pengertiannya yang semakin sempit dan dangkal telah meletakkannya hanya sebagai satu istilah yang mengungkapkan soal kesenian dan hiburan.

Budaya memahamkan kita mengenai dasar-dasar kehidupan dan masa hadapan bangsa. Islam memainkan peranan dalam pembinaan budaya Melayu kerana pada prinsipnya kebudayaan Melayu adalah prinsip kebudayaan Islam yang menjadikan Allah sebagai rujukan dan hikmah untuk manusia. Islam turut mendasari pembinaan *worldview* Melayu, etos Melayu, estetika Melayu, bahasa Melayu dan segala cabang budaya Melayu lainnya yang sekaligus meninggikan citra budaya dan keperibadian bangsa.

Oleh itu, dalam usaha mencipta kecemerlangan budaya sewajarnya setiap individu mengenali potensi diri, menemukan nilai-nilai dasar yang menerasi watak dan budayanya yang pastinya mengakar kepada budaya Melayu-Islam. Justeru antara nilai-nilai tradisinya yang utama adalah nilai ilmu dan intelek. Masyarakat Melayu-Muslim telah menampilkkan diri sebagai masyarakat yang membudayakan ilmu dan seni dalam konteks *intellectual substance* iaitu seni yang berintikan keintelektualan seperti puisi tasawwuf, seni khat dan senibina masjid.²⁶ Budaya keintelektualan ini juga adalah lanjutan daripada perlaksanaan penerapan Kemahiran Insaniah yang diselaraskan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan merupakan peneraju utama mengaplikasikan Kemahiran Insaniah dalam kalangan pelajar.

²⁶ Ibn Khaldun (1995), *op.cit.*, h. 170; Afzalur Rahman (1981), *op.cit.*, h. 222

Faktor kekuatan dalam berfikir dan menjayakan budaya ilmu terserlah dalam setiap prinsip Kemahiran Insaniah yang diaplikasikan dalam kurikulum universiti dan sekolah. Namun sejauhmana kejayaan aplikasinya wajar dinilai kembali. Ibn Khaldun memerhatikan bahawa umat Islam mendapat kedudukan yang mulia dan tinggi dalam dunia ini apabila mereka mempunyai kemampuan yang tinggi dalam berfikir dan juga mempunyai kemampuan yang tinggi dalam ilmu pengetahuan - yang dibimbing oleh keimanan mereka yang tinggi dan ketaqwaan mereka kepada Allah dalam kegiatan berfikir dan ilmunya. Dalam kitab *Muqaddimahnya* dalam bab yang membincarkan ilmu pengetahuan beliau menyebut tentang perkembangan ilmu-ilmu dalam Islam bermula dengan ilmu berkenaan dengan al-Qur'an, al-Sunnah, hukum, akidah, akhlak, tasawwuf, sampai kepada ilmu perubatan, ekonomi dan seterusnya yang memungkinkan tamadun Islam berkembang dalam dunia dengan jayanya mengembangkan ilmu-ilmu Syari'ah dan juga ilmu-ilmu *Aqliyah*. Umat Islam memainkan peranan memberi kefahaman tentang ilmu yang asli dan juga olahan yang mereka buat daripada warisan tamadun yang terdahulu dalam perubatan, falsafah, fizik, kimia dan sebagianya. Ilmu-ilmu itulah yang meletakkan kehidupan umat Islam berjaya dalam tamadun mereka yang memenuhi kehendak duniawi dan juga keagamaan.²⁷

Ibn Khaldun turut membincangkan mengenai falsafah penulisan. Seseorang individu yang terlibat dalam bidang penulisan bererti ia terlibat dalam satu bentuk aktiviti yang membabitkan tangannya untuk bergerak, daya imiginasinya yang membentuk huruf sesuai dengan maksudnya dan *nafs al-natikahnya* iaitu aspek dirinya yang memahami makna dan ilmu, aspek akalnya yang memahami makna yang hendak diungkapkan. Proses penulisan ini bermula dan berpindah dari satu tahap kepada tahap lain iaitu bermula dari tangan ke daya imiginasi kepada tahap *nafs natikahnya*, dari *nafs natikahnya* ke daya imiginasinya dan kemudian berpindah ke tangannya yang bergerak untuk mencatit simbol dan lambang makna bagi ilmu. Menurut Ibn Kahldun proses seumpama itu meletakkan individu tersebut menggunakan daya fikirnya dan memahami maksud yang wujud dalam *nafs natikahnya* memangkinkan lagi tahap kemuliaan kemanusiaannya. Apabila kita telusuri secara rinci, kita dapat memahami perkaitan proses menulis ini dengan surah pertama yang diwahyukan Allah kepada nabi Muhammad s.a.w; *Iqra*. Dalam erti kata yang lain, Ibn Khaldun menegaskan bahawa pentingnya aktiviti membaca dan menulis kerana ia adalah penonjolan

²⁷ Dato' Dr. Abdul Monir Yaakob (1994), "Ilmu Sebagai Teras Keunggulan Ummah", dlm Ismail Haji Ibrahim dan Mohd Sahri Abdul Rahman (sunt.), *Ilmu Dan Kecemerlangan Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM, h. 43.

kepada perkembangan tamadun dan pembangunan manusia dan surah tersebut adalah prinsip asas dan tunjang utama dalam memartabatkan status manusia sebagai makhluk Allah yang dianugerahkan akal fikiran berbanding makhlukNya yang lain.

Selanjutnya, dalam membahaskan mengenai hubungan dengan ilmu; Ibn Khaldun menegaskan bagaimana ilmu wajar menjadi *malakah* atau kemahiran dan kecekapan dalam diri seseorang seolah-olah menjadi ‘tabiatnya’ yang semulajadi. Beliau menyatakan bahawa *malakah* ini mampu diaplikasikan melalui latih tubi menggunakan fikiran dan perbincangan yang akan mebuahkan pertukaran pendapat, pandangan, maklumat dan idea. Ini semua merupakan titik tolak untuk mendapatkan kemahiran menambahkan ilmu pengetahuan. Beliau menyatakan dalam *Muqaddimah*:

“Cara yang paling mudah untuk memperoleh “malakah” ini ialah dengan jalan melalui latihan lidah guna mengungkapkan fikiran-fikiran dengan jelas dalam diskusi dan perdebatan dalam masalah-masalah ilmiah. Inilah cara yang mampu menjernihkan persoalan...”

Ibn Khaldun turut mengupas perbezaan individu yang hanya mendengar pengajian dan mempraktikkan hafazan semata tanpa menggunakan daya fikirnya untuk memahami ilmu dan juga tidak menggunakan kemahiran menulis kembali pandangan dan pendapatnya dalam sesuatu pendapat yang diperolehi.²⁸

Kupasan tersebut menjelaskan pentingnya memiliki kemahiran dalam pemikiran kritis dan pembelajaran berterusan, selain kebijaksanaan mengumpul maklumat bagi mencernakan budaya ilmu dan keintelektualan seperti yang dimaksudkan dalam elemen kemahiran insaniah bagi menyumbang kepada pembangunan modal insan negara yang dinamik dan berkualiti secara bersepada.

KUALITI AKHLAK DAN ETIKA

Untuk memastikan pembangunan modal insan yang dinamik; kualiti akhlak dan etika turut diterapkan sebagai salah satu elemen utama dalam kemahiran insaniah. Antara eleman akhlak utama yang mampu berdaya saing dalam budaya keilmuan yang menyerlahkan kualiti kemanusiaan yang sekaligus merupakan kualiti modal insan yang dinamik; kesabaran dan ketekunan merupakan sifat yang mengukuhkan daya ketahanan dan kejayaan

²⁸ Rumusan yang dilakukan dalam kajian ini berdasar petikan *Mukaddimah* Ibn Khaldun, h. 1-80.

sesuatu umat dan tamadun. Selain daripada itu, kemahiran dalam aspek kepimpinan turut memerlukan kualiti akhlak yang tinggi untuk membentuk pemimpin yang berakhlek mulia, memiliki semangat juang yang mampu dan berobjektif. Kualiti-kualiti dalam kemahiran tersebut di samping kualiti akhlak mulia yang lain seperti integriti dan keyakinan diri mampu menjana kemajuan bangsa. Minda yang baik mampu melahirkan pemikiran yang berkualiti dan segala bentuk pemikiran tersebut mampu dicernakan dalam bentuk pembangunan bangsa dan *daulah* melalui jalinan kemahiran-kemahiran teknikal yang lain. Justeru, kualiti akhlak dan keintelektualan wajar seiringan. Sekiranya hanya ditekankan aspek kekuatan keilmuan tanpa budaya fikir dan analisis, budaya faham dan memahami, kualiti akhlak, kualiti kepimpinan dan kemahiran pembangunan material, akan pincang sesebuah *daulah* dan bangsa tersebut.

Ini ditegaskan oleh Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* yang menjelaskan bagaimana kekuatan kesabaran dan ketekunan mewarnai perjuangan dalam penegakan sesuatu bangsa berjaya melahirkan bangsa dan *daulah* yang mampu dan kukuh. Namun, kekuatan *daulah* dan bangsa semakin rapuh dengan pesona kemewahan hidup yang menjadikan manusia semakin selesa, manja dan lalai. Ini mengakibatkan semangat juang untuk terus membangunkan bangsa dan *daulah* semakin menipis. Fenomena ini lazimnya diambil oleh pihak musuh untuk menghancurkan sesebuah ketamadunan bangsa dan *daulah* yang kemudiannya meletakkan tamadun runtuh dan hancur. Justeru, sifat sabar amat penting untuk memastikan setiap individu menerima keadaan sama ada dalam situasi senang atau sukar, miskin atau kaya dan seumpamanya. Menurut Ibn Khaldun, kemewahan hidup yang penuh dengan hiburan semata dan bergelumang dengan politik wang, kehidupan yang melalaikan manusia daripada budaya ilmu dan keintelektualan mampu meruntuhkan tembok keyakinan dan kekuatan minda seseorang yang akhirnya menghasilkan akhlak dan moral yang negatif.²⁹ Seterusnya, ketamadunan ummah semakin hancur kerana kualiti akhlak dan moral telah runtuh bersama runtuhnya pemimpin yang korup dan tidak mempunyai daya saing yang kukuh. Ini bererti, kualiti minda dan akal wajar diselaraskan dengan kualiti kekuatan kemahiran akhlak, kekuatan dan kebijaksanaan kepimpinan dan kemantapan kemahiran teknikal.

²⁹ Di petik dari terjemahan *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 163. Lihat juga Sri Rahayu binti Ismail (2007), “Kemewahan dan Kelalaian Dalam Menjatuhkan Peradaban Manusia”, dlm Azizan Baharuddin et al., Prosiding Ibn Khaldun: Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya Dalam Tamadun Kontemporari. Anjuran Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya dan Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Universiti Putra Malaysia, h. 137.

Ibn Khaldun memaparkan pentingnya hubungan kekuatan minda, budaya, peradaban dan kemahiran teknikal dalam perkembangan peradaban dan pembangunan bangsa dan *daulah*:

“Ilmu pengetahuan menjadi banyak cabangnya bilamana tamadun itu besar dan budaya hidup menetap dikota menjadi terbentuk dengan tingginya). Ini kerana pengajaran ilmu, sebagaimana yang kami nyatakan berupa satu daripada kemahiran-kemahiran. Kami telah nyatakan bahawa kemahiran-kemahiran hanya banyak terdapat di kota-kota. Kualiti dan bilangan kemahiran-kemahiran atau pertukangan-pertukangan itu terletak pada lebih besar atau kecilnya peradaban (*‘umran*) atau (*civilization*) dalam kota-kota itu dan pada budaya menetap dan hidup mewah yang dinikmati di kota-kota itu, kerana (kemahiran-kemahiran dan pertukangan-pertukangan yang terbentuk dengan baik itu) adalah sesuatu yang berupa tambahan kepada mencari penghidupan semata-mata. Apabila orang-orang yang berperadaban mempunyai tenaga buruh yang lebih daripada apa yang mereka perlukan setakat untuk mencari penghidupan sahaja, maka (tenaga buruh) demikian yang berlebih itu digunakan untuk kegiatan-kegiatan yang lebih lagi dan mengatasi apa yang digunakan hanya untuk mencari penghidupan sahaja. Kegiatan-kegiatan sedemikian ini adalah hak istimewa manusia. Ianya terdiri daripada ilmu-ilmu dan kemahiran-kemahiran serta pertukangan-pertukangan”.³⁰

Ibn Khaldun selanjutnya memaparkan perkembangan budaya ilmu di pusat-pusat tamadun Islam yang terkenal yang kesemuanya berakarkan kualiti-kualiti yang telah dibincangkan terdahulu daripada ini:

Ini boleh ditunjukkan contohnya dengan kenyataan-kenyataan kami yang terdahulu berkenaan dengan Baghdad, Qurtubah, Qairawan, Basrah dan Kufah. Pada masa permulaan Islam, peradaban-peradaban (para penduduk kota) adalah ramai, dan budayanya hidup menetap wujud di kalangan mereka. Maka ilmu-ilmu melimpah di sana dan penduduk-penduduknya tampil sebagai ahli dalam pelbagai jenis peristilahan teknikal dalam pengajaran ilmu-ilmu dalam pelbagai cawangan ilmu pengetahuan, dan ahli dalam menimbulkan persoalan-persoalan dan (menciptakan) disiplin-disiplin ilmu (yang baharu). Mereka itu (semua) mengatasi para ahli ilmu yang datang sebelum mereka dan mengatasi semua yang datang kemudian daripada mereka. Tetapi apabila tamadun merosot dan penduduknya berkurang, gambarannya menjadi terbalik pula daripada apa yang terdahulunya. Ilmu pengetahuan dan pengajarannya tidak ada lagi dalam kota-kota tersebut

³⁰ Rumusan yang dilakukan dalam kajian ini berdasar petikan *Mukaddimah* Ibn Khaldun, h. 445-523.

tetapi dipindah dan ditanam di kota-kota Islam lainnya.

Kita pada masa ini melihat bahawa ilmu pengetahuan dan pengajaran ilmu ada di Kaherah pula iaitu di Mesir, kerana tamadun di sana (Mesir) terbentuk dengan tingginya dan budaya menetapnya telah menjadi tetap teguh beribu-ribu tahun lamanya. Oleh itu maka kemahiran-kemahiran terdiri tetap teguh di sana dalam banyak jenisnya. Satu daripadanya ialah pengajaran ilmu di sana. (Keadaan yang sedemikian) ini diperteguhkan lagi dan dijaga di Mesir oleh beberapa peristiwa dalam dua ratusan tahun lalu di bawah dinasti Turki, semenjak masa pemerintahan Salahud-Din al-Ayyubi dan seterusnya. Ini diikuti dengan beberapa perkembangan tentang kemunculan ilmu-ilmu dalam Islam sama ada ilmu-ilmu Syariah atau juga ilmu-ilmu *Aqliyah*.³¹

Berasaskan perbincangan-perbincangan tersebut, kajian ini masih lagi berkeyakinan bahawa umat Melayu-Muslim masih lagi kaya dengan nilai-nilai tradisi yang dapat memberi landasan normatif dan membangkitkan motivasi ke arah kemajuan dan kecemerlangan. Apa yang utama adalah usaha ke arah sentiasa memberikan ‘penyegaran nilai ilmu’ dan memastikan ‘pengarahan yang sentiasa diperbaharui’ bersesuaian dengan keperluan zaman yang mendatang³² sama ada zaman langit terbuka, zaman siber, zaman multimedia dan sebagainya. Walau apapun jua nama zaman yang mendatang, apa yang pasti survival umat manusia akan banyak ditentukan oleh kekuatan ilmu dan etikanya.

KUALITI BUDAYA KERJA CEMERLANG

Untuk memastikan hasrat modal insan Islami ini lebih berjaya diwujudkan, aspek budaya kerja cemerlang atau etos kerja tidak boleh dipinggirkan sama sekali. Sementelah pula, era kini mulai dianggap sebagai era peperangan ekonomi yang mendasari dunia dagang hari ini.

Realitinya agama dapat memberikan etos kerja yang berupa motivasi dan nilai kudus kepada kegiatan ekonomi. Etos itu sendiri memberi pengertian sebagai seperangkat nilai, semangat, kepercayaan dan idealisme yang membentuk budaya dan watak sesuatu bangsa.³³ Dalam hubungan ini umat Melayu-Muslim yang bercita-cita untuk menjadi masyarakat perindustrian yang serba maju harus dapat memanfaatkan etos kerja yang wujud dalam ajaran Islam³⁴ dan sekaligus membudayakan kerja cemerlang

³¹ *Ibid.*

³² Siddiq Fadzil (1998), *op.cit.*, h. 54.

³³ Sila rujuk Hasan Hamzah (penyusun), *Kamus Melayu Global*. Kuala Lumpur: Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd., h. 336

³⁴ Siddiq Fadzil (1998), *op.cit.*, h. 114.

dalam kehidupan sehari-hari.

Untuk memahami etos kerja dalam Islam sewajarnya bertolak dari erti hidup yang merupakan suatu persaingan, kecemerlangan amal atau kerja.³⁵ Kehidupan ini wajar dipenuhi dengan amal soleh atau kerja yang baik sebagai pembuktian iman.³⁶ Justeru, setiap saat dari kehidupan dunia yang terbatas ini adalah amat berharga untuk dipenuhi dengan amal kerana ia penentu kejayaan dunia dan akhirat. Islam turut menekankan bahawa “bekerjalah untuk duniamu seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya, dan bekerjalah untuk akhiratmu seolah-olah kamu akan mati esoknya”.

Oleh itu, seorang Muslim yang terdorong untuk berusaha kuat bukan kerana tekanan majikannya tetapi lebih digerakkan oleh motivasi dari dalam dirinya yang berupa tanggungjawab untuk melaksanakan tugas sebagai hamba dan khalifah Allah. Hasil perlaksanaan tanggungjawab tersebut adalah pengharapan terhadap keredaan Allah yang akan hanya diperolehi seandainya dilaksanakan secara ikhlas dan sempurna. Apatah lagi setiap Muslim menyedari bahawa Allah melihat segala yang dilakukannya, ia akan memaksimumkan kemampuannya bagi memastikan tugas-tugasnya berkualiti dan sekaligus menghasilkan produktiviti yang maksimum. Produktiviti ini mencakupi perkhidmatan dan hasil barang yang bermanfaat dan amat diutamakan oleh Islam. Justeru, Islam menekankan bahawa bekerja untuk mendapatkan hasil yang halal adalah suatu *jihad*.³⁷

Selain daripada itu, menurut Islam masyarakat Muslim hanya akan dapat memenuhi tanggungjawab keagamaannya dengan sempurna sekiranya ia mempunyai kemampuan ekonomi. Ini kerana melalui kesempurnaan ekonomi, agihan zakat dapat dilaksanakan sebaiknya, pemberian sedekah, wakaf dan amal jariah dapat ditunaikan demi untuk membela golongan miskin. Apatah lagi dalam urusan dakwah dan *jihad* turut memerlukan pembiayaan yang besar yang akan hanya dapat dicapai melalui ekonomi

³⁵ Sila rujuk surah *al-Mulk* ayat 2 “*ayyukum ahsanu ‘amalā*” siapa di antara kamu yang terbaik amalnya.

³⁶ Al-Qur'an menyebut lebih daripada 70 ayat yang menggandingkan antara iman dan amal soleh yang meliputi segala kegiatan yang membawa kebaikan dunia dan akhirat, kerohanian dan material.

³⁷ *Jihād* di sini bukan dimaksudkan dengan pengertiannya yang sering difahami sebagai ‘perang atau perjuangan suci’ tetapi lebih luas lagi *jihād* ini memberi erti ‘kesungguhan yang maksimum untuk mendapatkan hasil kerja yang baik dan bermanfaat kepada semua’. *Jihād* ini turut mencakupi berbagai aspek kehidupan seperti bidang politik, ekonomi, pendidikan, masyarakat dan seumpamanya. Kupasan lanjut berhubung persoalan *jihād* boleh dirujuk kepada Kertas kerja— kertas Kerja dalam *Seminar Kebangsaan Jihad dari Perspektif Islam*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 12 Julai 2003, h. 1-35.

yang mantap.³⁸

Sehubungan dengan itu, gerakan-gerakan keIslamam yang mendukung aspirasi kebangkitan semula Islam tidak wajar membataskan programnya hanya dalam bidang kerohanian semata tetapi harus mampu menggilap dan menyegarkan semula etos kerja Islam. Sekaligus wajar memiliki sikap positif terhadap pembangunan ekonomi. Adalah tidak wajar mempertentangkan wawasan pembangunan ekonomi dengan ‘wawasan akhirat’ seolah-olah kesejahteraan ekonomi dalam kehidupan dunia akan hanya mencelakakan kehidupan akhirat. Apa yang utama adalah penyertaan yang konstruktif dalam program pembangunan ekonomi agar ia dapat menciptakan kesejahteraan dunia yang melanjut hingga kepada kesejahteraan akhirat.³⁹

Oleh itu, dalam memenuhi persaingan dunia dagang hari ini, kualiti dan kecemerlangan telah merupakan syarat mutlak untuk *survival* atau kelangsungan hidup. Kualiti dan kecemerlangan merujuk kepada sejumlah ciri-ciri keunggulan. Kualiti sering ditakrifkan sebagai *character with respect to fineness or grade of excellence* (ciri keelokan dan tahap kecemerlangan) dan kecemerlangan sering diertikan sebagai *a high degree or the highest degree of good qualities* (tahap tinggi atau tahap tertinggi bagi kualiti yang baik).⁴⁰

Kualiti dan kecemerlangan ini tidak hanya ditentukan oleh teknik pengurusan tetapi lebih kepada sikap manusia terhadap pekerjaannya. Ini kerana manusia merupakan insan yang memiliki akal dan perasaan yang cukup canggih. Kerja yang cemerlang dan berkualiti ditentukan oleh tahap kecintaan individu terhadap pekerjaannya. Justeru, manusia memerlukan motivasi, ganjaran baik dan dorongan secukupnya untuk melaksanakan kerjanya dengan reda dan sempurna.

Untuk mencapainya, motivasi itu penting dicetuskan dari dalam diri individu dengan memanfaatkan nilai-nilai positif agama dan budaya anutannya. Ini kerana kemajuan perindustrian di negara-negara rantau ini mempunyai kaitan langsung dengan nilai-nilai agama selain daripada agama Islam seperti ajaran Konfusianisme dan Buddhisme. Barat turut mengorak langkah yang sama menerapkan etika Kristian dalam pengurusan

³⁸ Untuk memahaminya lebih lanjut sila rujuk Muhammad Abdul Mannan (1995), “The Frontiers of Islamic Economics: Some Philosophical Underpinnings”, *Toward Islamization of Disciplines*. U.S.A: The International Institute of Islamic Thought, Herndon, Virginia, h. 295-316

³⁹ Siddiq Fadzil (1998), *op.cit.*, h. 116-117

⁴⁰ David J. Carver, Michael J. Wallace, John Cameron (1974), *Collins English Learner's Dictionary*. Great Britain; Wiliam Collins Sons & Co. Ltd, h. 412

dan perniagaan.⁴¹ Ternyata agama masih tetap utuh dan relevan dengan kehidupan manusia selama-lamanya.

Sehubungan dengan itu, pastinya umat Islam akan mampu mencipta budaya kerja yang cemerlang dan berkualiti seandainya kita dapat memanfaatkan semangat dan nilai-nilai unggul agama dengan menyalurkannya ke dalam budaya kerja. Semangat kecemerlangan memang cukup menyerlah dalam pelbagai aspek ajaran Islam. Allah mengungkapkan diri-Nya dengan sifat-sifat *superlative* seperti *Ahsanu 'l-khaliqin* (Pencipta terbaik), *Ahkamu 'l-hakimin* (Hakim yang menggunguli segala hakim), *Khayru' r-raziqin* (Penganugerah rezeki terbaik). Islam pula diutuhkan dengan agama yang bersifat *ya 'lu wa la yu 'la 'alayh* (agama yang unggul dan tidak ada yang mengunggulinya).⁴²

Hamba Allah pula disifatkan sebagai manusia yang berkualiti tinggi dan umat Islam sebagai *khayra ummah* dan para mukmin yang berjaya di sisi Allah adalah yang berkualiti taqwanya. Justeru menyedari posisi manusia sebagai khalifah pasti setiap individu terdorong untuk menghayati sifat-sifat *superlative* ketuhanan. Sementelah pula, Islam melihat kerja sebagai suatu yang amat bernilai sama ada ia berjaya mencapai matlamat atau tidak, kerja itu sendiri tetap mempunyai nilai⁴³ dengan kesedaran bahawa setiap kerja atau usaha itu akan diberikan pahala selagi ia ikhlas dan reda melaksanakannya. Ini kerana kerja dan usaha itu adalah ibadat. Perkara ini yang perlu diketahui oleh setiap individu khususnya dalam pewujudan modal insan Islami dan 1 Malaysia.

PENUTUP

Berasaskan perbincangan-perbincangan tersebut, nyata bahawa pentingnya Kemahiran Insaniah ditegaskan dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah dan pengajian tinggi di Malaysia. Ini kerana Islam turut merincikan kepentingan Kemahiran Insaniah tersebut yang realitinya mewarnai setiap aspek kehidupan manusia yang mendasari agama, budaya dan tamadun sebagai tunjang utama menghadapi sebarang bentuk tujahan dan cabaran. Tuntasnya, keperluan kepada aplikasi Kemahiran Insaniah dalam sistem pendidikan Malaysia adalah amat wajar untuk memastikan pembangunan modal insan yang dinamik dan berkualiti. Pemahaman

⁴¹ Untuk mengetahui bagaimana Barat akhirnya meletakkan agama sebagai falsafah kerjanya, sila rujuk Andrew D. White (1901), *A History of The Warfare of Science with Theology in Christendom*, Vol. I & Vol. II. New York: D Appleton and Company; Siddiq Fadzil (1998), *op.cit.*, h. 120.

⁴² Ibn Khaldun, *op.cit.*; Siddiq Fadzil, *Ibid.*

⁴³ *Ibid.*, h. 121-122.

dan pembudayaan agama dan budaya, pemahaman terhadap perlunya wujud akhlak yang mulia sehingga melahirkan rasa hormat dan kasih sayang kepada yang lain, pembinaan persahabatan tanpa sempadan, sikap professional, rasional, berilmu pengetahuan yang tinggi, berakhlak mulia dan bijak menggarap nilai-nilai sejagat dan universal yang baik adalah kualiti-kualiti kemahiran insaniah yang mampu melahirkan manusia yang unggul, cemerlang dan berkualiti. Ini merupakan kualiti modal insan yang diperlukan dalam pembangunan peradaban ummah dan negara. Pemikiran Ibn Khaldun yang banyak mengaitkan hubungan peradaban manusia melalui kualiti Kemahiran Insaniah ini wajar dilihat kembali bagi mencapai matlamat tersebut. Ini akan menepati hasrat 1 Malaysia yang diyakini dapat menerima secara terbuka pandangan baik dan nilai-nilai sejagat yang sempurna sepertimana yang dipaparkan dalam *Muqaddimah* dalam mewarnai suasana masyarakat Malaysia yang beraneka agama, tamadun dan budaya.

Sungguhpun begitu, perlu kita sedari bahawa dalam era globalisasi ini, kita akan lebih terdedah kepada pengaruh-pengaruh budaya luar dan amat asing daripada budaya masyarakat Malaysia yang sedia kita kenali. Justeru, kita perlukan daya tahan yang jitu dan mampu membentengi keutuhan budaya kita. Bagaimanapun ini tidak seharusnya diertikan sebagai sikap menolak secara total segala yang bersifat asing. Apa yang utama adalah kemampuan bersikap kritis dan selektif atau kemampuan memilih dan memilah elemen-elemen mana yang serasi dan sesuai serta unsur-unsur mana yang bertentangan dengan budaya kita. Ini kerana kebudayaan Islam adalah kebudayaan yang akomodatif, punyai keterbukaan yang cukup luas untuk menampung dan sekaligus mengintegrasikan unsur-unsur yang positif dari budaya asing. Sekaligus menonjolkan kepentingan Kemahiran Insaniah yang berkualiti dalam memilih yang terbaik.

Justeru, pewujudan Kemahiran Insaniah di pusat pengajian tinggi Malaysia adalah amat bersesuaian untuk terus memastikan pembangunan modal insan Islami mampu mendepani cabaran kehidupan dan sekaligus menggegarkan dunia.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Muhammad Zin et al. (2005), *Pendidikan Islam di Malaysia Dari Pondok ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Mat Diah et al. (2008), “*Kemahiran Insaniah di IPTA Islam Malaysia dan Indonesia: Satu Analisis Perbandingan*”, dalam Kertas Kerja Sisipan di Seminar Kemahiran Insaniah dan

Relevensi Pemikiran Ibn Khaldun Terhadap Kemahiran Insaniah Di Dalam Pengurusan Pembangunan Modal Insan

Kesejahteraan Sosial (SKIKS) 2008, Anjuran Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, UTeM dengan Kerjasama Institut Sosial Malaysia, Pada 18- 19 Ogos 2008.

Abdul Monir Yaakob (1994), “Ilmu Sebagai Teras Keunggulan Ummah”, dlm Ismail Haji Ibrahim dan Mohd Sahri Abdul Rahman (sunt.), *Ilmu Dan Kecemerlangan Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke 19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Afzalur Rahman (1981), *Quranic Science*. London: The Muslim School Trust London.

Andrew D. White (1901), *A History of The Warfare of Science with Theology in Christendom*, Vol. I & Vol. II. New York: D Appleton and Company.

David J. Carver, Michael J. Wallace, John Cameron (1974), *Collins English Learner's Dictionary*. Great Britain: Wiliam Collins Sons & Co. Ltd.

Hasan Hamzah (penyusun), *Kamus Melayu Global*. Kuala Lumpur: Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd.

Muhsin Mahdi (1971), *Ibn Khaldun's Philosophy of History*, Illinois: University of Chicago Press.

Muhammad al-Faqiqy (1979), *Qisāṣ al-Anbiyā' Aḥḍathuhā wa 'Ibāruhā*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Muhammad Abdul Mannan (1995), “The Frontiers of Islamic Economics: Some Philosophical Underpinnings”, *Toward Islamization of Disciplines*. U.S.A: The International Institute of Islamic Thought, Herndon, Virginia.

Muhammad Isma'il Ibrahim (1981), *Qisāṣ al-Anbiyā' wa al-Rusul*. Kaherah: Dar al-Fikrbal- ‘Arabi.

Osman Bakar (1996), “Agama dan budaya Teras Masyarakat Madani”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 5. Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Siddiq Fadzil (1998), *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD).

Sidek Baba (1993), “Pelaksanaan Pendidikan Islam Era 2020 Ke Arah Kecemerlangan Generasi Pelajar”, dlm Khailani Abdul Jalil dan Ishak Ali Shah, *Pendidikan Islam Era 2020 Tasawur dan Strategi*. Selangor: Tekno Edar.

Sri Rahayu binti Ismail (2007), “*Kemewahan dan Kelalaian Dalam Menjatuhkan Peradaban Manusia*”, dlm Azizan Baharuddin et al., Prosiding Ibn Khaldun: Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya Dalam Tamadun Kontemporari. Anjuran Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya dan Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Universiti Putera Malaysia.

Utusan Malaysia, *My3S Ukur Kemahiran Insaniah Graduan*, 30 Januari 2010.